

PEKELILING JABATAN PENTADBIRAN AM BIL. 1/2018

YBhg. Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN KEMUDAHAN RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA BAGI KAKITANGAN DAN TANGGUNGAN HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ, PPUKM

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Khas Bajet PPUKM bertarikh 07 September 2017 telah memutuskan bahawa kakitangan lantikan Hospital Cansolor Tuanku Muhriz dan tanggungannya yang mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) perlu dirujuk semula ke Unit Kardiologi, Hospital Cansolor Tuanku Muhriz, PPUKM. Rawatan perubatan di IJN hanya dibenarkan setelah pesakit diperiksa tahap kesihatannya oleh Pakar Kardiologi Hospital Cansolor Tuanku Muhriz, PPUKM sebelum dirujuk kepada IJN.

3. Sehubungan itu, pihak Hospital tidak akan membiayai atau menanggung mana-mana kakitangan dan tanggungan yang mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara kecuali dirujuk oleh Pakar Kardiologi, HCTM berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Surat Jaminan (Guarantee Letter) ke IJN tidak akan dikeluarkan dan sebarang kos rawatan perubatan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan sendiri sepenuhnya. Sebarang pembiayaan kos rawatan perubatan hanya dipertimbangkan untuk kes-kes yang tidak dikendalikan oleh Unit Kardiologi HCTM, PPUKM atas ulasan/ cadangan yang disahkan oleh Pakar Kardiologi. HCTM, PPUKM.

4. Sukacita dipohon agar pihak YBhg. Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memanjangkan perkara tersebut kepada semua kakitangan di bawah seliaan YBhg. Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut bolehlah diajukan kepada En. Muhammad Khairi Khalis disambungan 5104 atau Pn. Nor Afizah Mohd Saleh disambungan 5108.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

JABATAN PENTADBIRAN AM
Hospital Cansolor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM,
Tingkat 1, Blok Asrama Jururawat, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 - 9145 5108 Faksimili: +603 - 9145 5183 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/jpam>

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berikan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DATO' DR. HANAFIAH HARUNARASHID

Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Jantung Negara (IJN)
No.145, Jalan Tun Razak
50400, Kuala Lumpur
- Ketua Pegawai Operasi, HCTM, PPUKM
 - Ketua Jabatan Perubatan, HCTM, PPUKM
 - Pakar Pediatrik & Kardiologi Pediatrik,
Jabatan Pediatrik, HCTM, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

PEJABAT DEKAN FAKULTI PERUBATAN DAN PENGARAH
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM, Tingkat 1,
Kompleks Pendidikan Tuanku Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacón Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 - 9145 5007 / 5008 Faksimili: +603 - 9145 6629 E-mel: dppukm@ppukm.ukm.edu.my Laman Web:
<http://www.ppukm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan - *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

UKM

**PETIKAN MINIT MESYUARAT KHAS BAJET TAHUN 2017 (SESI 2)
BERTARIKH 7 SEPTEMBER 2017**

2.3 Jabatan Pentadbiran Am

2.3.2 Mesyuarat bersetuju :

- iv) kakitangan atau tanggungan yang perlu mendapatkan perkhidmatan rawatan di Institut Jantung Negara perlu mendapatkan surat rujukan Pakar Kardiologi PPUKM menyatakan perkhidmatan rawatan tidak boleh dilaksanakan di PPUKM, sebelum Surat Jaminan (GL) dikeluarkan